



## KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

## MALAYSIA

### SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1996

CUTI TANPA GAJI TIDAK BOLEH DIAMBILKIRA  
UNTUK TUJUAN NOTIS PERLETAKAN JAWATAN

#### TUJUAN

1. Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan bahawa cuti tanpa gaji yang diambil oleh anggota perkhidmatan awam tidak boleh diambilkira untuk tujuan notis perletakan jawatan.

#### LATAR BELAKANG

2. Perintah Am 61(a), [\*\*Perintah-Perintah Am Bab A 1973\*\*](#) menetapkan bagi anggota yang hendak meletakkan jawatan dikehendaki memberi sebulan notis bagi anggota sementara atau dalam percubaan, atau tiga bulan notis bagi anggota tetap yang telah disahkan, atau mengikut syarat dalam kontrak bagi anggota kontrak atau membayar balik sebulan gaji sebagai ganti notis. Perintah Am tersebut tidak pula menjelaskan sama ada cuti tanpa gaji boleh digunakan sebagai sebahagian atau keseluruhan tempoh notis yang dimaksudkan itu.

#### PERATURAN BARU

3. Setelah mengkajinya dengan teliti Jabatan ini bersetuju memutuskan bahawa semua jenis cuti tanpa gaji tidak boleh diambilkira untuk tujuan notis perletakan jawatan. Dengan kata lain tempoh notis yang ditetapkan dalam [\*\*Perintah Am 61 \(a\) Bab 'A'\*\*](#) itu tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

#### TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling ini dikuatkuasakan mulai **1 Februari 1996**.

#### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(HAJI KHALIL BIN HAJI HUSSAIN)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II  
Malaysia.

Tarikh: 23 September 1996

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan